

Harga diesel pengguna biasa

TATKALA menetapkan harga diesel pada dua peringkat lamanya, kerajaan telah mengambil perhitungan kesusahan yang akan dipikul oleh pengguna biasa sekiranya satu harga sahaja diputuskan. Kerana tidak mungkin harga diesel untuk perindustrian diturunkan ke paras harga yang lebih rendah, tetapi harga yang rendah itu terpaksa dinaikkan ke paras yang lebih tinggi.

Syarikat-syarikat minyak dikatakan telah meminta supaya satu harga diesel sahaja ditetapkan kerana mereka yakin harga yang sama dapat mengakhiri kekurangan diesel dari semasa ke semasa di negara ini. Tetapi harapan mereka ialah supaya harga sama kalau ditetapkan akan meningkat kepada harga diesel untuk perindustrian, kerana, sebagai pengeluar minyak tersebut, tentulah mereka tidak mahu harganya diturunkan.

Atau sebaliknya kerajaan terpaksa menambah subsidiya yang akan membangkitkan beberapa masalah baru. Masalah besar, seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, ialah sektor-sektor atau sektor mana yang harus mendapat faedah dari harga rendah yang mendapat subsidi atau sokongan kerajaan itu.

Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata jika tidak yakin tentang pihak yang beroleh faedah daripada subsidi itu, maka eksploitasi tidak dapat tidak akan berlaku. Satu kemungkinan lagi ialah kekurangan diesel dari semasa ke semasa dan dari setempat ke setempat tidak akan berakhir juga, dan kemungkinan minyak itu terdapat di pasar gelap pula.

Oleh itu, keputusan kerajaan untuk tidak mahu mengadakan harga yang sama bagi bahan tersebut, bagi sementara waktu, sekurang-kurangnya sehingga beberapa masalah yang berkaitan dapat dipecahkan, adalah bijak. Pengguna-pengguna perindustrian harus juga membayar harga yang lebih tinggi dan pengguna-pengguna biasa harga yang rendah.

Harga diesel pada masa ini yang dijual di kedai-kedai pam minyak ialah \$1.19 segelen (bergantung kepada kedudukan kedai-kedai itu) manakala untuk pengguna-pengguna perindustrian, termasuk lori-lori dan bas, ialah di antara \$1.30 dan \$1.35 segelen. Jadi perbezaannya hanyalah di antara 11 dan 16 sen.